

Perak tidak akan kompromi aktiviti pencerobohan

Ipoh: Kerajaan Perak tidak akan berkompromi dengan aktiviti pencerobohan haram seperti didakwa sesetengah pihak sehingga mengakibatkan tasik takungan Bukit Merah kering serta menjejaskan alam sekitar.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata sekiranya aktiviti itu berlaku di kawasan sekitar, tindakan tegas akan diambil tetapi ia memerlukan kerjasama pelbagai pihak.

“Bagaimanapun, masalah air tasik yang terjejas perlu dilihat secara menyeluruh dan bukan terarah pada satu punca sahaja seperti aktiviti pencerobohan haram.

“Selain kesan fenomena El Nino yang berpanjangan, proses pemendapan juga menjadi satu daripada sebab tasik berkenaan kering.

“Tasik Bukit Merah adalah tasik tadahan yang tertua di Malaysia iaitu 101 tahun. Bayangkan usia tasik yang lama itu memerlukan proses pemendapan, namun itu tidak bermakna kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk mengatasinya,” katanya ketika meninjau kawasan padi sekitar Kampung Parit Tiga Kubu Gajah dan Tasik Bukit Merah di sini, semalam.

Dalam laporannya, Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Rahman, mendakwa ada beberapa kawasan di Pondok Tanjung dan Kampung Selamat di sini, diceroboh, sekali gus menjejaskan kawasan tasik takungan di Bukit Merah.

Meor Razak dilaporkan berkata kebanyakan kawasan yang diteroka adalah rizab tasik Bukit Merah yang menjadi zon penampungan simpanan air dengan 500 hektar kawasan hutan paya gambut berhampiran tasik dibersihkan secara haram untuk memberi laluan kepada tanaman sawit.

Sementara itu, Zambry berkata, kerajaan negeri turut mengkaji kemungkinan membina kolam takungan air di kawasan itu dengan Lembaga Air Perak (LAP) akan mengkaji sebelum melaksanakan projek penapisan tebing sungai bagi membolehkan air bawah tanah diambil untuk dialirkan ke situ.

[FOTO L MANIMARAN/BH]



Zambry membuat tinjauan di Tasik Bukit Merah, semalam.